جابتن ڤرهوتنن نڬري ڤيرق
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101
Laman Web : www.perakforestry.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami PPN.PK (HL) 9.6 Jld. 10 (31)

Tarikh : 2 Zulkaedah 1443H
1 Jun 2022

Pegawai Hutan Daerah
Hulu Perak, Kinta / Manjung, Kuala Kangsar,
Larut & Matang dan Perak Selatan

Tuan,

ARAHAN PENGOPERASIAN SEMULA TAMAN EKO-RIMBA (TER) DI NEGERI PERAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua Taman Eko-Rimba (TER) di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Perak **KECUALI TER Ulu Kenas** akan beroperasi semula bermula pada **03 Jun 2022 (Jumaat)**.

3. Walaubagaimanapun, semua aktiviti pendakian gunung dan rekreasi di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) masih **DITUTUP** kepada orang awam. TER Ulu Kenas sepertimana dinyatakan masih lagi ditutup memandangkan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf sedang dijalankan. Waktu operasi bagi semua TER tersebut adalah dari **jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang** pada setiap hari termasuk cuti umum dan cuti hujung minggu.

4. Untuk makluman tuan juga, semua permohonan tempahan sewaan kemudahan di TER perlu dimohon dan diluluskan melalui aplikasi sedia ada iaitu sistem e-Permit yang boleh dicapai melalui Portal Rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Notis Makluman Pengoperasian Semula Taman Eko-Rimba Negeri Perak untuk makluman dan tindakan hebahan. Segala perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

ARAHAN PENGOPERASIAN SEMULA TAMAN EKO-RIMBA (TER) DI NEGERI PERAK

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP)
Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

s.k : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - Mohon tuan untuk membuat hebahan bagi pemakluman ini di laman web Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan mengaktifkan pautan Sistem Eco Perhutanan dan menyahaktifkan pautan TER yang sedang diselenggara serta aktiviti pendakian.

NOTIS OPERASI SEMULA

Adalah dimaklumkan bahawa semua Taman Eko-Rimba (TER) Jabatan Perhutanan Negeri Perak **(KECUALI TER ULU KENAS)** akan mula beroperasi berkuatkuasa :

TARIKH : 03 JUN 2022 (JUMAAT)
WAKTU OPERASI TER: 8.00 PAGI – 6.00 PETANG

Walau bagaimanapun, semua **aktiviti pendakian gunung dan rekreasi** di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak masih **DITUTUP.** Untuk makluman TER Ulu Kenas masih belum dibenarkan beroperasi bagi memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan yang dikhuatiri menjejaskan keselamatan pengunjung. Semua permohonan tempahan sewaan kemudahan di TER perlu dimohon dan diluluskan melalui aplikasi sedia ada iaitu sistem e-Permit yang boleh dicapai melalui Portal Rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Ketidakpatuhan terhadap arahan ini adalah di atas tanggungan risiko sendiri dan pihak Pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Perak tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kerosakan, kerugian, risiko jangkitan atau kemudaratan yang berlaku kepada para pengunjung semasa berada di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal.

Sekian, terima kasih.

ARAHAN
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN